

18/02/2002

Bekas pemimpin PKM ikrar sokong Dr Mahathir

T Thant

NATHAWI, (Selatan Thailand), Ahad - Beberapa orang bekas pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM) melafazkan secara terbuka kesetiaan serta sokongan terhadap pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Dalam satu temubual dengan Berita Harian baru-baru ini, mereka yang mendakwa mewakili lebih 500 bekas ahli PKM keturunan Cina, mengadakan dua perhimpunan untuk menyatakan pendirian itu melalui satu pesanan khas sempena perayaan Tahun Baru Cina.

Satu perhimpunan berlangsung dekat Betong manakala satu lagi di Nathawi, 90 kilometer dari Hatyai.

Di Betong, bekas pemimpin kumpulan itu, Chiew Chern, 73, memuji kecemerlangan fikiran politik Dr Mahathir dalam menangani segala cabaran dalam dan luar negara untuk mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Chiew Chern, yang berasal dari Malim Nawar, Perak, atau nama asalnya, Chai Yong Hock, pernah mengetuai seramai 1,000 komunis di pangkalannya dekat Betong.

Bekas ahli Jawatankuasa Pusat PKM dan rakan rapat Setiausaha Agung Chin Peng, Ah Chern, 75, dalam pertemuan itu pula memuji Dr Mahathir dalam usahanya menangani militan di Malaysia.

"Tiada tempat untuk aktiviti keganasan atau kegiatan militan dalam era moden ini," kata Ah Chern.

Katanya, kegiatan seumpama itu pada akhirnya hanya akan membawa kemusnahan kepada yang mula bergiat militan dan haruslah dikutuk sekeras-kerasnya.

Ah Chern, juga dikenali sebagai Ah Hoay tetapi nama sebenarnya adalah San Yew Hong.

Beliau yang juga berasal dari Perak, kini mengetuai lebih 150 bekas anggota PKM di Kampung Chulaphorn 10, yang terletak di satu kawasan pedalaman di Jalan Yala-Betong.

Bekas Jeneral Tiga Bintang, It Chiang, 74, berkata Malaysia telah pesat membangun dalam masa yang singkat berkat kepemimpinan Dr Mahathir.

"Tanpa diperangkap dengan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), pengwujudan Putrajaya, Koridor Raya Multimedia (MSC), di samping membawa negara ke era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah antara pencapaian cemerlang Malaysia yang dipimpin Dr Mahathir," kata It Chiang yang nama sebenarnya ialah Ng It Chiang @Ng Teong Sang.

Beliau, yang berasal dari Gunung Keriang, Alor Setar, adalah ketua kampung satu penempatan semula bagi seramai 200 bekas komunis di Kampung Piyamid 5, dalam daerah Nathawi.

Bekas Kapten Rejimen 8, Leong Yee Sing, 48, yang berasal dari Sungai Buluh, Selangor bersama bekas komunis Tan Lien Chern, 74, turut melahirkan sokongan mereka terhadap Dr Mahathir dalam pesanan khas sempena dengan Tahun Baru Cina bagi pihak bekas ahli PKM di Piyamid 5.

Leong, yang kini menguruskan terowong yang pernah digunakan oleh anggota komunis, bagaimanapun menyatakan satu permintaan peribadi iaitu untuk memiliki 'sekeping gambar Perdana Menteri Malaysia yang ditandatangani oleh Dr Mahathir'.

Bekas pengendali telegraf terowong yang sama, Chen Kok Toong, 47, yang berasal dari Petaling Jaya, Selangor, pula berkata bekas anggota PKM kini menyokong sepenuhnya Dr Mahathir.

(END)